

**TALKING POINTS
YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
MENTERI BELIA DAN SUKAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN PENUGASAN SUKARELAWAN KHIDMAT
SOKONGAN MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS
(MYVAC)**

**31 MAC 2021 (RABU)
4.00 PETANG, PODIUM MENARA KBS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

**YB KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI);**

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI;**

PENGURUSAN TERTINGGI KPT, MOSTI DAN KBS;

**PARA SUKARELAWAN, RAKAN-RAKAN MEDIA, HADIRIN DAN
HADIRAT SEKALIAN.**

1. Pertamanya marilah kita melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah Taala atas limpah izin-Nya, kita diberi ruang untuk bersama-sama, bersua di dalam **MAJLIS PENYERAHAN PENUGASAN SUKARELAWAN KHIDMAT SOKONGAN MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS (MYVAC).**
2. Sebelum itu, saya ingin mengalu-alukan YB Khairy Jamaluddin, Menteri MOSTI yang juga merupakan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin (JK JAV).

3. **Kehadiran YB Khairy Jamaluddin** pada hari ini **membuktikan kepentingan pasukan sukarelawan MYVAC** dalam memastikan keselamatan dan perlindungan rakyat sentiasa diberi keutamaan.
4. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan Malaysia dan YB Dato' Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi yang tidak dapat hadir bersama-sama dengan kita pada petang ini atas urusan yang tidak boleh dielakkan.
5. Alhamdulillah, hari ini kita dapat **menyaksikan satu lagi deliverables kita** dalam **memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)** dapat berjalan dengan baik iaitu dengan Penyerahan Penugasan Sukarelawan Khidmat Sokongan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MYVAC).
6. Ini merupakan **milestone penting** dalam usaha kita *roll-out* proses vaksinasi di seluruh negara yang akan memasuki fasa seterusnya bermula April 2021 ini.
7. Sehingga kini, lebih **7.4 juta orang telah pun mendaftar** untuk divaksinasi melalui sama ada melalui **Aplikasi MySejahtera**, website **vaksinovid.gov.my** atau pun melalui panggilan telefon ke talian pendaftaran vaksinasi **1800-888-828**.
8. Seramai **450 ribu orang telah menerima dos pertama** manakala hampir **120 ribu orang telah pun sempurna menerima dos kedua** vaksin COVID-19.
9. Mereka ini terdiri daripada petugas barisan hadapan yang perlu kita utamakan. Bila barisan hadapan sudah ada *shield*, barulah kita sendiri rasa selamat.
10. Tahniah kepada pasukan JK JAV, diterajui oleh YB Khairy Jamaluddin yang telah dapat memastikan roll-out fasa pertama ini berjalan dengan lancar.

11. Beliau sendiri telah menerima dos dari Sinovac dan kini dikhabarkan telah fasih bercakap Mandarin. *Ni hao ma?*
12. Saya berdebar juga nak tunggu, dos dari mana yang akan saya terima bersama-sama dengan Atlet negara pada bulan April ini. Harap-harap boleh cakap Russia pula!

Hadirin yang dihormati,

13. Insya Allah, **Fasa Kedua** Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang membabitkan **9.4 juta penerima** dos yang terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kumpulan yang mempunyai penyakit kronik akan bermula 19 April ini.
14. Jadi, di sinilah bermulanya perjalanan atau *journey* kita, kumpulan sukarelawan MYVAC bagi memastikan proses yang melibatkan **9.4 juta penerima ini** serta **13.7 juta bagi Fasa Ketiga** dapat berjalan dengan lancar.
15. *In total we talk about more than 23 million people to be vaccinated, April onwards.*
16. Justeru, program kita pada hari ini adalah untuk menggerakkan kumpulan sukarelawan rakyat Malaysia secara ***whole-society approach*** dalam memastikan proses imunisasi COVID-19 yang sedang dilaksanakan, dapat berjalan dengan baik.
17. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada **8,000 orang sukarelawan** yang telah pun mendaftar.
18. *We received overwhelming response and participation from the public especially the youth.*
19. Saya juga menerima maklum balas bahawa ramai yang teruja untuk menjadi sukarelawan MYVAC ini yang pastinya akan memberi pengalaman yang cukup berharga apabila ditempatkan di lebih 600 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara kelak.

Hadirin yang dimuliakan,

20. Sukarelawan MYVAC ini saya ibaratkan sebagai barisan hadapan kedua atau *second frontliners* yang menyokong pasukan perubatan / klinikal di semua PPV dengan peranan seperti:

- (a) Membantu **proses pendaftaran dan pengesahan** penerima vaksin, Saya pasti ada penerima vaksin kelak yang memerlukan sokongan untuk proses permulaan. The first meeting point.

Kita mudahkan mereka ini. Mereka juga mungkin ibu ayah, atuk nenek, pakcik makcik atau saudara mara kita sendiri. Kita facilitate mereka.

- (b) Membantu **pengurusan kelengkapan** prasarana serta logistik di setiap PPV agar sentiasa mencukupi. Ini tugas yang cukup penting bagi saya. Kita sama-sama pastikan pengoperasian PPV pada tahap yang optimum dan bersedia sepanjang masa.

Soal logistik, inventori, pengurusan, kebersihan dan sebagainya, menjadi antara peranan yang boleh dimainkan oleh sukarelawan MYVAC kita kelak.

- (c) Membantu **pengurusan komunikasi** dengan penerima vaksin. Soal komunikasi ini penting bagi memastikan penerima mendapat maklumat yang tepat dan sahih.

Kita juga tidak mahu ada *scammers vaksin* pula yang menghubungi para penerima dos selepas ini. Sukarelawan MYVAC kita akan berperanan besar dalam soal ini khususnya memastikan temujanji dapat dipenuhi dan bantuan dapat dihulurkan sekiranya memerlukan sokongan logistik.

- (d) Memberi **sokongan psikologi dan stress relievers** kepada penerima vaksin di setiap PPV. Kumpulan kedua ini merupakan mereka yang *emotionally vulnerable* atau rapuh dari segi emosi.

Kita kena sokong mereka. Mungkin akan ada situasi perlu memujuk dan menenangkan mereka.

Hadirin yang dihormati,

21. Dalam memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini berkesan dan berjalan lancar, kita mahukan proses ini menjadi satu ***most-awaited moment dan moment of togetherness, momen atau detik kebersamaan*** di kalangan rakyat selepas setahun berperang dengan COVID-19.
22. Sukarelawan MYVAC akan melengkapinya dan menjadikan momen tersebut satu **pengalaman kebersamaan rakyat Malaysia** yang akan diingati sepanjang masa.
23. Apabila kita lindungi diri kita, kita juga akan bersama-sama melindungi semua di sekeliling kita sehingga kita mencapai apa yang disebut sebagai *herd immunity*, imuniti berkelompok.
24. **Itulah *moment of togetherness* yang ingin kita cipta.**
25. Alhamdulillah. Dalam soal kebersamaan dan saling menyokong usaha ini juga, kita dibantu oleh Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) yang membangunkan sistem pengurusan sukarelawan bagi memudahkan proses pengambilan, latihan, penglibatan dan koordinasi sukarelawan.
26. Sebagai akhirnya, sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam merealisasikan usaha MYVAC ini.

27. *PICK is going to be a huge and exhaustive vaccination exercise throughout Malaysia.*
28. Kebersamaan dan kerjasama yang dijalinkan ini diharap akan dapat menjadi **feel good factor** kepada kita semua.
29. Kita ingin cipta momen kebersamaan ini.
30. *Thank you again* YB Khairy Jamaluddin serta sekalung penghargaan kepada YB Menteri KKM dan YB Menteri KPT for the continuous support and trust upon KBS dalam menerajui inisiatif sukarelawan MYVAC ini.
31. Insya Allah, kita laksanakan bersama dengan berkesan.
32. Bersama kita lindungi diri, kita lindungi semua.
33. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini **merasmikan MAJLIS PENYERAHAN PENUGASAN SUKARELAWAN KHIDMAT SOKONGAN MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS (MYVAC).**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.